



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Berita Harian - Malaysia Tak Berdepan Defisit Berkembar

Berita Harian - Malaysia Tak Berdepan Defisit Berkembar

🕒 Rabu, Okt 10 2018



Malaysia tak berdepan defisit berkembar

 KHAZANAH
MEGATRENDS
FORUM 2018

 Antara sebab ekonomi Malaysia berdaya tahan ialah keadaan akaun semasanya berbanding negara lain yang mengalami defisit berganda”

Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan



Guan Eng ketika menyampaikan ucapan sempena Forum Khazanah Megatrends 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

→ Negara dijangka terus nikmati lebih akaun semasa: Guan Eng

BH 9/10/2018

**Oleh Hazwan Faisal
Mohamad dan Ayisy Yusof**
bhbiz@nstp.com.my

Kerajaan menjangkakan negara akan terus menikmati lebih akaun semasa negara, sekali gus mengelakkan Malaysia berdepan defisit berkembar seperti beberapa negara sedang membangun utama lain seperti Turki, Afrika Selatan, Brazil dan Argentina.

Menteri Kewangan, Lim Guan

Eng, berkata antara sebab ekonomi Malaysia berdaya tahan ialah keadaan akaun semasanya berbanding negara lain yang mengalami defisit berganda.

Katanya, lebih akaun semasa negara pada tahun lalu berjumlah RM40.3 bilion atau 3.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan untuk separuh pertama tahun ini, imbalan dagangan sebanyak RM18.9 bilion atau 2.7 peratus daripada KDNK.

SST pacu pertumbuhan

“Ada pihak bimbang dengan keadaan suku kedua 2018 apabila lebih akaun semasa lebih rendah, iaitu pada RM3.9 bilion dan imbalan dagangan yang juga rendah pada Ogos lalu, iaitu RM1.6 bilion.

“Namun, lebih yang rendah ini sebahagian besarnya adalah disebabkan tempoh cuti cukai dari Jun hingga Ogos lalu yang merangsang dan memacu aktiviti import pada Ogos meningkat pada 11.2 peratus untuk tahun

ke tahun.

“Dengan pengenalan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada September, pertumbuhan import akan menyederhana dan meningkatkan imbalan. Malah, jika dilihat kembali prestasi imbalan dagangan berbanding tahun lalu, bulan Februari tahun ini mencatat prestasi terburuk berbanding Ogos.

“Justeru, kerajaan menjangkakan lebih akaun Malaysia akan terus mengalami lebih pada tahun ini dan negara dilihat tidak akan terjejas dengan masalah defisit berkembar,” katanya ketika menyampaikan ucapan makan tengah hari sempena Forum Khazanah Megatrends 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

Amal perbelanjaan pintar

Dalam pada itu, Guan Eng menjelaskan yang kerajaan ketika ini bukan melaksanakan langkah penjimatan, sebaliknya mengamalkan perbelanjaan pintar

dalam bidang tumpuan utama, terutama yang mendorong kepada pertumbuhan mampan jangka panjang yang meningkatkan kebajikan rakyat.

Katanya, Malaysia juga tidak akan melaksanakan pengukuhan fiskal dengan terlalu pantas kerana dikhuatiri menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

“Kita perlu terus mempelbagaikan ekonomi. Penyatuan fiskal adalah kaedah kepada kemampuan fiskal. Tetapi kemampuan memerlukan tahap pertumbuhan ekonomi yang bersesuaian.

“Di tengah-tengah cabaran kepada kewangan awam, kerajaan percaya sektor swasta mesti menjadi peneraju dalam memacu ekonomi ke hadapan.

“Bagaimanapun, ia tidak bermakna kerajaan tidak boleh memainkan peranannya. Kerajaan komited untuk mewujudkan persekitaran yang mana sektor swasta boleh berkembang dengan subur,” katanya.

**Pekeliling
Perbendaharaan**



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

